

30/07/1997

Teknologi tinggi syarat perkongsian

ni Kamaruzzaman; Ahmad Ghazali Musa; Halim Yusoff

LANGKAWI, Selasa - Sesi Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 (Lid '97) hari ini merumuskan penggunaan teknologi tinggi sebagai prasyarat penting bagi meningkat dan meneruskan kesinambungan perkongsian pintar, walaupun terpaksa berhadapan dengan ancaman yang boleh menggagalkannya.

Sesi yang dikendalikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu mengemukakan idea membabitkan kandungan dan pemindahan teknologi perkongsian pintar yang boleh diterjemah dengan berkesan dalam operasi harian syarikat termasuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

John Chilsom, Ketua Eksekutif Dera, syarikat perniagaan yang berasaskan penyelidikan berkata, mengikut pengalaman organisasinya, ada tiga tahap perkongsian yang diamalkan.

"Tiga tahap itu ialah menawarkan pakej teknologi, kerjasama pembangunan projek serta kerjasama pembangunan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Konsep itu membolehkan kami menghasilkan projek R&D bermutu untuk dilaksana dalam sektor perniagaan," katanya.

Keupayaan menterjemah konsep perkongsian itu membolehkan syarikat yang mengkhusus dalam kegiatan mengkomersilkan R&D itu mengalami pertumbuhan menggalakkan dengan perolehan mencecah AS\$1.7 bilion (RM4.25 bilion).

Syarikat yang mempunyai 12,000 kakitangan itu kini berupaya menghasilkan 250 jenis teknologi dalam pelbagai bidang. Ia juga sudah mewujudkan kerjasama dalam pelbagai bidang dengan syarikat dari Afrika Selatan, Eropah, Jepun dan Australia.

Agak menarik sesi kali ini turut mengetengahkan syarikat teknologi maklumat (IT) milik penuh Bumiputera, Compera Holdings yang mempunyai pengalaman membangunkan hasil R&D menerusi kerjasama dengan pusat pengajian tinggi tempatan.

Salah seorang eksekutif syarikat itu, Norzam Zaman, yang mengutarakan isu Perkongsian Pintar dalam Industri Automasi, berkata hasil kerjasama dengan pusat pengajian tinggi itu banyak memberi pengalaman kepada syarikat untuk meneruskan penerokaan IT dalam bidang automatif tempatan.

Syarikat itu kini mewujudkan kerjasama dengan syarikat automobil terkemuka tempatan seperti Proton.

Penasihat Kanan Jabatan Perdagangan dan Industri, Britain, Keith Jordan pula percaya perkongsian pintar di kalangan pemilik teknologi berupaya menyenggara dan meningkatkan kawalan teknologi bagi menggalakkan konsep 'menang, menang', walaupun ia bukan jalan penyelesaian terakhir.

Beliau juga yakin perkongsian teknologi dapat mewujudkan keseimbangan kuasa dan menjadi kuasa pemboleh dalam mengejar kekayaan.

Bagaimanapun, Jordan berkata, kejayaan perkongsian pintar yang menjurus kepada teknologi terpaksa berhadapan dengan ancaman yang boleh menggagalkan kerjasama yang dibentuk.

"Bagi mengelakkan ia daripada berlaku perlu ada kerjasama dari segi cara pemindahan teknologi supaya hasilnya dapat dinikmati bersama," katanya.

Beliau turut merujuk kepada pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menumpukan pemindahan teknologi sebagai satu perkongsian pintar yang mampu mengekalkan kestabilan kuasa.

(END)